

# Perluas peranan Mediator Komuniti sebagai ejen perpaduan



Pensyarah  
Kulliyyah Ilmu  
Wahyu dan Sains  
Kemanusiaan  
AbdulHamid  
AbuSulayman UIA

Oleh Prof Madya Dr Haslina Ibrahim  
bhrencana@bh.com.my

**Usaha** melatih pemimpin komuniti menjadi Mediator Komuniti dengan kemahiran mediasi oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional bermula sejak 2009.

Mereka dikehendaki mengikuti modul latihan selama 40 jam sesi teori dan amali mediasi dibangunkan mediator dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada akhir sesi latihan, peserta perlu melalui sesi penilaian untuk menilai kemampuan mereka menggunakan teknik mediasi diajar.

Sehingga kini, terdapat 564 Mediator Komuniti terdiri daripada 163 pegawai perpaduan, 379 ahli jawatankuasa (AJK) Komuniti Rukun Tetangga (KRT) dan 22 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agama di seluruh negara.

Kemahiran mediasi merujuk kepada kemahiran mengendalikan perselisihan di antara pihak bertelagah atau konflik oleh seorang mediator bertindak sebagai orang tengah.

Mediator adalah pihak ketiga yang tidak berkepentingan, menjadi pemudah cara membolehkan komunikasi berlaku antara pihak berselisih.

Mereka membantu pihak berselisih mencapai kesepakatan dalam menyelesaikan masalah mereka. Dalam hal ini, mediator tidak berperanan sebagai penasihat, pemberi cadangan atau pembuat keputusan.

Sebaliknya mediator membimbing pihak berselisih untuk memahami isu sebenar dan mengenal pasti kehendak serta kemahuan masing-masing menerusi perbincangan sistematik dan teratur sehingga boleh mencapai kata sepakat menyelesaikan perselisihan.

Kemahiran mediasi dalam kalangan pemimpin komuniti sangat diperlukan memandangkan mereka berhadapan dengan pelbagai masalah mungkin timbul dalam masyarakat. Bahkan mereka dikehendaki menjalankan mediasi secara profesional, adil dan ikhlas tanpa mengharapkan imbuhan atau balasan.

## Bantu selesai, redakan perselisihan

Kewujudan Mediator Komuniti terlatih dapat membantu meredakan perselisihan yang biasa terjadi dalam masyarakat, terutama membabitkan masalah kejiwaan, pada masa sama, memulihkan perhubungan antara mereka.

Antara masalah pernah dan sering dilaporkan adalah gangguan haiwan peliharaan, ruang parkir, soal kebersihan dan kebisingan.

Perselisihan tidak diurus dengan baik boleh menimbulkan dendam, perasaan benci dan rasa tidak puas hati dalam kalangan pihak berselisih.

Jika dibiarkan, ia boleh membarah dan menimbulkan konflik dalam kalangan masyarakat. Peranan Mediator Komuniti terlatih dapat mencegah perbalahan kecil menjadi besar sehingga campur tangan pihak polis atau tindakan saman-menyaman ke mahkamah.

Kehadiran Mediator Komuniti diharapkan dapat membantu mengekalkan keharmonian masyarakat.

Bertepatan dengan aspirasi Malaysia MADANI, pemimpin komuniti seharusnya meningkatkan kemahiran mereka dalam membantu pertelingkahan atau konflik dalam masyarakat.

Pemimpin komuniti juga sepatutnya diberi kepercayaan untuk membantu masyarakat menyumbang secara langsung dalam agenda keamanan dan kesejahteraan negara.

Ini dapat dilaksanakan dengan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap potensi mediasi untuk menangani segala perbezaan pandangan, pendapat dan tindak balas yang dapat menyebabkan perselisihan.

Inisiatif Kementerian Perpaduan Negara dalam menginstitusikan teknik mediasi adalah langkah penting bagi merealisasikan cita-cita membentuk masyarakat madani bertamadun.

Dalam konteks ini pemimpin komuniti sewajarnya diberi nilai tambah dari segi ilmu dan kemahiran sosial khususnya mediasi dari semasa ke semasa kerana cabaran dihadapi saban hari begitu besar.

Selain itu, masyarakat juga perlu diberi kesedaran mengenai peranan dan kelebihan menggunakan khidmat mediasi tatkala menangani perselisihan kecil dalam anggota masyarakat. Hal ini kerana mediasi berkait rapat dengan kesejahteraan masyarakat, sekali gus menjadi agenda dan objektif melahirkan masyarakat matang dan sejahtera mengikut acuan Malaysia MADANI.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH